

## **Tiada sembahyang Jumaat sepanjang perintah kawalan pergerakan**

**Malaysiakini**

**19 Mac 2020**

Semua masjid di seluruh negara akan menghentikan sembahyang Jumaat dalam tempoh perintah kawalan pergerakan, bagi membantu negara untuk memutuskan rantaian virus Covid-19, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dr Zulkifli Mohamad.

Beliau berkata selaras dengan perintah kawalan pergerakan yang berkuat kuasa mulai semalam hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan Covid-19, sembahyang Jumaat tidak diadakan esok.

“Patuhilah arahan yang dikeluarkan dan gantilah sembahyang Jumaat dengan sembahyang Zohor di rumah masing-masing, bersama keluarga,” katanya dalam khidmat pesanan awam yang disiarkan di stesen-stesen televisyen hari ini.

Jelasnya arahan tersebut selari dengan langkah yang diambil di beberapa negara Islam lain, seperti Arab Saudi dan Kuwait.

“Hampir keseluruhan bersetuju dalam kes seperti ini dan semua pihak hendaklah mematuhi perintah yang ditetapkan pemerintah.

"Sekali lagi pesan saya, solatlah Zohor di rumah, Insya-Allah ada hikmahnya," katanya.

Perdana Menteri Muhyiddin Yassin pada Isnin mengisytiharkan Malaysia mengenakan perintah kawalan pergerakan berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac di seluruh negara, bagi mengekang penularan Covid-19.

Ini adalah pertama kali dalam sejarah Malaysia menguatkuasakan perintah seumpama itu.

Sebanyak 110 kes baru positif Covid-19 dilaporkan setakat 12 tengah hari ini, menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 900 kes, dengan negara mencatatkan dua kematian pertama pada Selasa.

-Bernama

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/515579>